Pelulus Pemenuhan menyemak Ringkasan Pesanan dan seterusnya ke menu sisi Penetapan Kod Dipertanggung untuk tindakan selanjutnya.



ARAHAN:

1. Klik menu sisi **Penetapan Kod Dipertanggung** untuk meneruskan kelulusan Permintaan Kontrak

LANGKAH 6

Pelulus Pemenuhan menyemak dan mengemaskini Penetapan Kod Dipertanggung dan seterusnya kembali ke menu sisi Maklumat Umum untuk pengesahan kelulusan.



ARAHAN:

1. Klik menu sisi **Maklumat Umum** untuk membuat pengesahan ke atas Permintaan Kontrak

LANGKAH 7

Pelulus Pemenuhan perlu mengesahkan segala maklumat yang dikemukakan di dalam Permintaan Kontrak adalah sah dan benar.



ARAHAN:

1. Tandakan pada kotak pengesahan untuk mengesahkan segala maklumat yang dikemukakan di dalam Permintaan Kontrak adalah sah dan benar
2. Klik butang **Lulus** untuk meluluskan Permintaan Kontrak

TIPS:

- Ruangan **Catatan** boleh diisi (jika perlu) dan klik butang Muat Naik Fail untuk memuat naik lampiran (jika perlu)
- Butang **Simpan** untuk menyimpan dokumen
- Butang **Kaji Semula** untuk menyerahkan semula dokumen kepada Peminta sebelumnya untuk dikaji semula
- Butang **Tolak** untuk menolak Permintaan Kontrak. Catatan wajib dimasukkan sekiranya dokumen ingin ditolak

Hakcipta Terpelihara © 2017 Commerce Dot Com Sdn. Bhd.

LANGKAH 7

Popup window akan dipaparkan. Pelulus Pemenuhan perlu mengunci masuk Nombor Pin Token untuk menandatangani kelulusan Permintaan Kontrak.



ARAHAN:

1. Masukkan **Nombor PIN Token** Pelulus Pemenuhan
2. Klik butang **Tanda Tangan** untuk meluluskan Permintaan Kontrak

LANGKAH 8

Pengesahan **Permintaan Kontrak telah diluluskan dan dihantar ke 1GFMAS untuk semakan. Sila klik ke Notifikasi/Pemberitahuan untuk semakan status kelulusan Pesanan Kerajaan** akan dipaparkan. Seterusnya Pelulus Pemenuhan boleh log keluar.



ARAHAN:

1. Klik ikon untuk semakan status kelulusan Pesanan Kerajaan

4.3 Pengesahan Pesanan Kerajaan Dan Ciptaan Pesanan Penghantaran

Pesanan Kerajaan yang telah berjaya dijana akan diserah kepada Pembekal untuk pengesahan. Pembekal perlu mengesahkan Pesanan Kerajaan sebelum memulakan proses penghantaran bekalan/perkhidmatan.

Seterusnya, Pesanan Penghantaran akan dicipta dan diserahkan kepada Penerima Barang/Perkhidmatan untuk disahkan.

Berikut adalah carta aliran untuk Pengesahan Pesanan Kerajaan dan Ciptaan Pesanan Penghantaran:



Hakcipta Terpelihara © 2017 Commerce Dot Com Sdn. Bhd.

4.3.1 **Peranan Pembekal: Pengesahan Pesanan Kerajaan**

Berikut adalah langkah ringkas Pengesahan Pesanan Kerajaan:



Hakcipta Terpelihara © 2017 Commerce Dot Com Sdn. Bhd.

LANGKAH 1

Mulakan proses pemenuhan dengan log masuk sebagai Pembekal di Portal ePerolehan. Halaman Paparan akan dipaparkan selepas log masuk berjaya. Pembekal memilih menu Senarai Tugasan untuk mengesahkan Pesanan Kerajaan.



ARAHAN:

1. Klik pada pilihan menu **Senarai Tugasan**

LANGKAH 2

Pembekal memilih Pesanan Kerajaan yang hendak disahkan.



ARAHAN:

1. Pada ruangan Perihal, klik pautan dengan status **Menunggu Pengesahan Pembekal** bagi **Pesanan Kerajaan** yang hendak disahkan

LANGKAH 3

Pembekal menyemak maklumat di menu sisi Maklumat Umum dan meneruskan ke menu sisi Ringkasan Pesanan.



ARAHAN:

1. Klik menu sisi **Ringkasan Pesanan** untuk menyemak maklumat Alamat Penghantaran dan Item dalam Pesanan Kerajaan yang hendak disahkan

LANGKAH 4

Pembekal menyemak maklumat di Ringkasan Pesanan dan mengesahkan Pesanan Kerajaan.



ARAHAN:

1. Klik ikon untuk melihat dan menyemak **Ringkasan Pesanan**
2. Klik butang **Sahkan** untuk mengesahkan Pesanan Kerajaan

LANGKAH 5

Popup window akan dipaparkan. Pembekal akan membuat pengesahan Pesanan Kerajaan.



ARAHAN:

1. Masukkan dan lengkapkan **Jawapan Soalan Keselamatan** dan **Nombor PIN Sijil Digital**
2. Klik butang **Tanda Tangan** untuk mengesahkan Pesanan Kerajaan

LANGKAH 6

Pengesahan **Pesanan Kerajaan telah disahkan** akan dipaparkan. Seterusnya Pembekal boleh log keluar.



4.3.2 Peranan Pembekal: Penyediaan Pesanan Penghantaran

Pembekal akan mengeluarkan Pesanan Penghantaran bagi setiap Pesanan Kerajaan yang telah diterima. Pembekal boleh membuat Pesanan Penghantaran secara penuh ataupun separa.

Bagi tujuan Manual Pengguna, langkah yang ditunjukkan di bawah adalah ciptaan Pesanan Penghantaran penuh. Langkah ini juga terpakai sekiranya Pembekal ingin membuat pesanan penghantaran separa.

Berikut adalah langkah ringkas Penyediaan Pesanan Penghantaran:



Hakcipta Terpelihara © 2017 Commerce Dot Com Sdn. Bhd.

LANGKAH 1

Mulakan proses pemenuhan dengan log masuk sebagai Pembekal di Portal ePerolehan. Halaman Paparan akan dipaparkan selepas log masuk berjaya. Pembekal memilih menu Pemenuhan untuk membuat Penyediaan Pesanan Penghantaran.



ARAHAN:

1. Klik pada pilihan menu **Aplikasi Saya > Pemenuhan**

LANGKAH 2

Pembekal memilih Senarai Menunggu Penghantaran untuk menyediakan Pesanan Penghantaran.



ARAHAN:

1. Klik pada pautan **Senarai Menunggu Penghantaran** untuk meneruskan dengan Penyediaan Pesanan Penghantaran

LANGKAH 3

Pembekal memilih Pesanan Kerajaan yang ingin dihantar.

ARAHAN:

1. Klik pada pautan di bahagian **Tajuk** untuk meneruskan dengan Penyediaan Pesanan Penghantaran

LANGKAH 4

Pembekal menyemak maklumat di menu sisi Maklumat Umum dan meneruskan ke menu sisi Penghantaran Item.



ARAHAN:

1. Klik menu sisi **Penghantaran Item** untuk meneruskan dengan Penyediaan Pesanan Penghantaran

LANGKAH 5

Pembekal menyemak maklumat penghantaran.



ARAHAN:

1. Klik ikon untuk melihat item bagi setiap **Alamat Penghantaran**

LANGKAH 6

Pembekal mengunci masuk maklumat yang diperlukan untuk mencipta Pesanan Penghantaran dan seterusnya menyerahkan Pesanan Penghantaran.



ARAHAN:

1. Tandakan pada kotak untuk memilih **Alamat Penghantaran**
2. Klik ikon untuk memilih **Jangkaan/Tarikh Penghantaran Sebenar**
3. Masukkan **No. Pesanan Penghantaran (Pembekal)**
4. Masukkan **Kuantiti Penghantaran** yang ingin dilakukan
5. Klik butang **Serah** untuk menyerahkan Pesanan Penghantaran

LANGKAH 7

Popup window akan dipaparkan. Pembekal membuat pengesahan penyerahan Pesanan Penghantaran.



ARAHAN:

1. Masukkan dan lengkapkan **Jawapan Soalan Keselamatan** dan **Nombor PIN Sijil Digital**
2. Klik butang **Tanda Tangan** untuk mengesahkan Pesanan Penghantaran

LANGKAH 8

Pengesahan **Pesanan Penghantaran telah berjaya dihantar untuk pengesahan. Lihat Pesanan Penghantaran** akan dipaparkan. Seterusnya Pembekal boleh log keluar.



ARAHAN:

1. Klik pada pautan **Pesanan Penghantaran** untuk melihat dan mencetak dokumen Pesanan Penghantaran

4.4 Nota Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan

Nota Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan adalah proses di mana Penerima Barang/Perkhidmatan akan mengesahkan item yang telah dihantar oleh Pembekal. Penerima Barang/Perkhidmatan akan mengunci masuk kuantiti item yang telah diterima dan seterusnya menyerahkan Nota Penerimaan Bekalan /Perkhidmatan kepada Pegawai Pengesah.

Pegawai Pengesah akan menyemak Nota Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan yang telah diserahkan oleh Penerima Barang/Perkhidmatan. Pegawai Pengesah kemudiannya akan meluluskan Nota Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan.

Berikut adalah carta aliran untuk Nota Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan:



4.4.1 Peranan Penerima Barang/Perkhidmatan: Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan

Berikut adalah langkah ringkas Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan:



Hakcipta Terpelihara © 2017 Commerce Dot Com Sdn. Bhd.

LANGKAH 1

Mulakan proses perolehan dengan Log Masuk sebagai Penerima Barang/Perkhidmatan di Portal ePerolehan. Skrin Utama akan dipaparkan selepas log masuk berjaya. Penerima Barang/Perkhidmatan memilih menu Senarai Tugasan untuk menerima Pesanan Penghantaran.



ARAHAN:

1. Klik pada pilihan menu **Senarai Tugasan**

LANGKAH 2

Penerima Barang/Perkhidmatan akan mengesahkan Pesanan Penghantaran.



ARAHAN:

1. Klik di ruangan **Perihal** berstatus **Menunggu Pengesahan**

LANGKAH 3

Penerima Barang/Perkhidmatan menyemak maklumat dan memilih Pegawai Pengesah. Seterusnya Penerima Barang/Perkhidmatan meneruskan ke menu sisi Item.



ARAHAN:

1. Pilih **Pegawai Pengesah** dari *dropdown* yang disediakan
2. Klik menu sisi **Item** untuk meneruskan dengan pengesahan Nota Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan

Hakcipta Terpelihara © 2017 Commerce Dot Com Sdn. Bhd.

LANGKAH 4

Penerima Barang/Perkhidmatan mengunci masuk maklumat yang diperlukan dan seterusnya ke menu sisi Penilaian Pembekal.



ARAHAN:

1. Masukkan jumlah **Penerimaan**
2. Masukkan **Catatan Penolakan** (jika ada) sekiranya terdapat item yang hendak ditolak
3. Klik menu sisi **Penilaian Pembekal** untuk meneruskan dengan pengesahan Nota Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan

TIPS:

- Bagi item Perkhidmatan, **Kuantiti** dan **Amaun Penerimaan** boleh dikemaskini
- Bagi item Bekalan, hanya **Kuantiti Penerimaan** boleh dikemaskini

LANGKAH 5

Penerima Barang/Perkhidmatan mengunci masuk Skor untuk Penarafan Pembekal dan seterusnya menyerahkan Nota Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan kepada Pegawai Pengesah.



ARAHAN:

1. Pilih **Skor** dari *dropdown* yang disediakan
2. Klik butang **Serah** untuk menyerahkan Nota Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan

TIPS:

- Butang **Simpan** untuk menyimpan dokumen
- Butang **Tolak** untuk menolak Nota Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan. **Catatan** wajib dimasukkan sekiranya dokumen ingin ditolak

LANGKAH 6

Pengesahan **Nota Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan telah berjaya dihantar untuk kelulusan** akan dipaparkan. Seterusnya Penerima Barang/Perhidmatan boleh log keluar.



4.4.2 Peranan Pegawai Pengesah: Kelulusan Nota Penerimaan Barang/Perkhidmatan

Pegawai Pengesah akan meluluskan Nota Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan yang diserahkan oleh Penerima Barang/Perkhidmatan.

Berikut adalah langkah ringkas Kelulusan Nota Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan:



Hakcipta Terpelihara © 2017 Commerce Dot Com Sdn. Bhd.

LANGKAH 1

Mulakan proses perolehan dengan Log Masuk sebagai Pegawai Pengesah di Portal ePerolehan. Skrin Utama akan dipaparkan selepas log masuk berjaya. Pegawai Pengesah memilih menu Senarai Tugasan untuk meluluskan Nota Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan.



ARAHAN:

1. Klik pada pilihan menu **Senarai Tugasan**

LANGKAH 2

Pegawai Pengesah akan meluluskan Nota Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan.



ARAHAN:

1. Klik di ruangan Perihal berstatus **Menunggu Kelulusan**

LANGKAH 3

Pegawai Pengesah menyemak menu sisi Maklumat Umum dan seterusnya Pegawai Pengesah ke menu sisi Item untuk menyemak maklumat Item yang telah diterima.



ARAHAN:

1. Klik menu sisi **Item** untuk meneruskan kelulusan Nota Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan

NOTA:

- Kotak CoGSTR hanya akan dipaparkan sekiranya terdapat item yang dikenal pasti mendapat pelepasan CBP di dalam Pesanan Kerajaan
- Sekiranya Pesanan Kerajaan ini mempunyai lebih daripada satu Nota Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan, CoGSTR akan dipaparkan di Nota Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan yang terakhir

Hakcipta Terpelihara © 2017 Commerce Dot Com Sdn. Bhd.

LANGKAH 4

Pegawai Pengesah menyemak dan mengemaskini maklumat yang telah dikunci masuk oleh Penerima Bekalan/Perkhidmatan dan seterusnya ke menu sisi Penilaian Pembekal.



ARAHAN:

1. Semak jumlah **Penerimaan** yang telah diterima
2. Masukkan **Catatan Penolakan (jika ada)** sekiranya terdapat item yang telah atau akan ditolak
3. Klik menu sisi **Penilaian Pembekal** untuk meneruskan kelulusan Nota Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan

LANGKAH 5

Pegawai Pengesah menyemak skor Penarafan Pembekal dan seterusnya meluluskan Nota Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan.



ARAHAN:

1. Klik butang **Lulus** untuk meluluskan Nota Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan

TIPS:

- Butang **Simpan** untuk menyimpan dokumen
- Butang **Kaji Semula** untuk menyerahkan semula dokumen kepada Penerima Barang/Perkhidmatan untuk dikaji semula
- Butang **Tolak** untuk menolak Nota Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan. **Catatan** wajib dimasukkan sekiranya dokumen ingin ditolak. Dokumen yang telah ditolak akan diserah semula kepada Pembekal

LANGKAH 6

Popup window akan dipaparkan. Pegawai Pengesah mengesahkan kelulusan Nota Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan.



ARAHAN:

1. Masukkan **Nombor PIN Token**
2. Klik butang **Tanda Tangan** untuk mengesahkan kelulusan Nota Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan

LANGKAH 7

Notifikasi **Nota Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan telah diperakui dan dihantar untuk pandaftaran di 1GFMAS. Sila klik ke Notifikasi/Pemberitahuan untuk cetakan Nota Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan dan CoGSTR (jika ada)** akan dipaparkan. Seterusnya Pegawai Pengesah boleh log keluar.



4.5 Ciptaan Invois

Sekiranya semua bekalan/perkhidmatan telah dihantar dan diluluskan, Pembekal perlu mencipta Invois untuk proses pembayaran. Dalam Sistem ePerolehan, terdapat 2 jenis Invois iaitu:

i. Invois
ii. Invois Cukai

Berikut adalah carta aliran Ciptaan Invois:



4.5.1 **Invois**

Berikut adalah langkah ringkas ciptaan Invois:



a) Peranan Pembekal: Penciptaan Invois

LANGKAH 1

Mulakan proses perolehan dengan Log Masuk sebagai Pembekal di Portal ePerolehan. Skrin Utama akan dipaparkan selepas log masuk berjaya. Pembekal memilih menu Senarai Tugasan untuk ciptaan Invois.



ARAHAN:

1. Klik pada pilihan menu **Senarai Tugasan**

LANGKAH 2

Pembekal akan mencipta Invois.



ARAHAN:

1. Klik di ruangan **Perihal** berstatus **Menunggu Invois**

LANGKAH 3

Pembekal menyemak dan mengunci masuk maklumat yang diperlukan untuk ciptaan Invois.



ARAHAN:

1. Pilih **No. Akaun/Nama Bank** dari *dropdown* yang disediakan
2. Masukkan **No. Invois (Pembekal)**
3. Tandakan pada kotak pengesahan untuk mengesahkan bahawa segala maklumat yang dikemukakan di dalam invois adalah sah dan benar
4. Klik menu sisi **Item** untuk meneruskan dengan ciptaan Invois

Hakcipta Terpelihara © 2017 Commerce Dot Com Sdn. Bhd.

LANGKAH 4

Pembekal menyemak Perincian Item dan seterusnya ke menu sisi Ringkasan Invois.



ARAHAN:

1. Klik menu sisi **Ringkasan Invois** untuk meneruskan dengan ciptaan Invois

LANGKAH 5

Pembekal menyemak Ringkasan Invois yang dipaparkan dan menyerahkan Invois untuk proses seterusnya.



ARAHAN:

1. Klik butang **Serah** untuk menyerahkan Invois

LANGKAH 6

Popup window akan dipaparkan. Pembekal mengesahkan penyerahan Invois ke proses seterusnya.



ARAHAN:

1. Masukkan dan lengkapkan **Jawapan Soalan Keselamatan** dan **Nombor PIN Sijil Digital**
2. Klik butang **Tanda Tangan** untuk mengesahkan penyerahan Invois

LANGKAH 7

Pengesahan **Invois telah berjaya dihantar** akan dipaparkan. Seterusnya Pembekal boleh log keluar.



4.5.2 **Kelulusan Nota Debit**

(Nota: Tajuk ini hanya terpakai sekiranya Invois mempunyai Nota Debit)

Nota Debit akan dijana secara automatik oleh sistem sekiranya amaun Invois melebihi amaun Pesanan Kerajaan. Nota Debit perlu diluluskan terlebih dahulu sebelum dihantar ke Pegawai Padanan Bayaran.

Nota Debit yang diluluskan akan dihantar ke 1GFMAS untuk proses semakan bajet tambahan.

Berikut adalah carta aliran Kelulusan Nota Debit:



Hakcipta Terpelihara © 2017 Commerce Dot Com Sdn. Bhd.

a) Peranan Pelulus Pemenuhan: Kelulusan Nota Debit

Berikut adalah langkah ringkas Kelulusan Nota Debit oleh Pelulus Pemenuhan:



Hakcipta Terpelihara © 2017 Commerce Dot Com Sdn. Bhd.

LANGKAH 1

Mulakan proses perolehan dengan Log Masuk sebagai Pelulus Pemenuhan di Portal ePerolehan. Skrin Utama akan dipaparkan selepas log masuk berjaya. Pelulus Pemenuhan memilih menu Senarai Tugasan untuk meluluskan Nota Debit.



ARAHAN:

1. Klik pada pilihan menu **Senarai Tugasan**

LANGKAH 2

Pelulus Pemenuhan akan menyemak Nota Debit sebelum membuat kelulusan.



ARAHAN:

1. Klik di ruangan Perihal berstatus **Menunggu Kelulusan Nota Debit**

LANGKAH 3

Pelulus Pemenuhan menyemak maklumat di menu sisi Maklumat Umum.



ARAHAN:

1. Semak maklumat di menu sisi **Maklumat Umum**
2. Klik menu sisi **Ringkasan Kod Dipertanggung** untuk meneruskan kelulusan Nota Debit

LANGKAH 4

Pelulus Pemenuhan menyemak Kod Dipertanggung dan seterusnya meluluskan Nota Debit.



ARAHAN:

1. Semak maklumat di bahagian **Ringkasan Kod Dipertanggung**
2. Klik butang **Lulus** untuk meluluskan Nota Debit

LANGKAH 5

Pelulus Pemenuhan mengesahkan kelulusan Nota Debit.



ARAHAN:

1. Masukkan **Nombor PIN Token**
2. Klik butang **Tanda Tangan** untuk meluluskan Nota Debit

LANGKAH 6

Pengesahan **Nota Debit telah berjaya diserah dan dihantar ke 1GFMAS untuk semakan. Sila klik Notifikasi/Pemberitahuan untuk semakan status dan cetakan dokumen Nota Debit** akan dipaparkan. Seterusnya Pelulus Pemenuhan boleh log keluar.



ARAHAN:

1. Klik ikon untuk semakan status dan cetakan dokumen Nota Debit

4.6 Padanan Bayaran

Padanan Pembayaran adalah proses dimana Pegawai Padanan Bayaran menyemak dan membuat padanan amaun Pesanan Kerajaan, Nota Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan, Invois dan Nota Debit/Kredit (jika ada). Bagi Pesanan Kerajaan dengan Kontrak, Pegawai Padanan Bayaran boleh mengunci masuk maklumat potongan sekiranya ada.

Bagi tujuan Manual Pengguna, contoh yang ditunjukkan di bawah adalah proses padanan pembayaran bagi Pesanan Kerajaan dengan Kontrak.

Berikut adalah carta aliran Padanan Pembayaran:



a) Peranan Pegawai Padanan Bayaran: Padanan Bayaran

Pegawai Padanan Bayaran akan menyemak dan mengunci masuk maklumat yang diperlukan sebelum menghantar Padanan Bayaran ke 1GFMAS untuk proses Arahan Pembayaran. Padanan Bayaran adalah proses terakhir sebelum bayaran dilakukan kepada Pembekal.

Berikut adalah langkah ringkas Padanan Bayaran:



Hakcipta Terpelihara © 2017 Commerce Dot Com Sdn. Bhd.

LANGKAH 1

Mulakan proses perolehan dengan Log Masuk sebagai Pegawai Padanan Bayaran di Portal ePerolehan. Skrin Utama akan dipaparkan selepas log masuk berjaya. Pegawai Padanan Bayaran memilih menu Senarai Tugasan untuk menyerahkan Padanan Bayaran.



ARAHAN:

1. Klik pada pilihan menu **Senarai Tugasan**

LANGKAH 2

Pegawai Padanan Bayaran akan mencipta dan menyerahkan Padanan Bayaran.



ARAHAN:

1. Klik di ruangan **Perihal** berstatus **Menunggu Padanan Bayaran**

LANGKAH 3

Pegawai Padanan Bayaran menyemak dan mengunci masuk Perihal Pembayaran dan seterusnya ke menu sisi Ringkasan Kod Dipertanggung.



ARAHAN:

1. Masukkan **Perihal Pembayaran**
2. Klik menu sisi **Ringkasan Kod Dipertanggung** untuk meneruskan proses Padanan Bayaran

Hakcipta Terpelihara © 2017 Commerce Dot Com Sdn. Bhd.

LANGKAH 4

Pegawai Padanan Bayaran menyemak Kod Dipertanggung yang digunakan dan seterusnya ke menu sisi Potongan.



ARAHAN:

1. Klik menu sisi **Potongan** untuk meneruskan proses Padanan Bayaran

LANGKAH 5

(Nota: Langkah ini hanya terpakai sekiranya Padanan Bayaran adalah untuk Pesanan Kerajaan dengan Kontrak)

Pegawai Padanan Bayaran menambah Potongan untuk Padanan Bayaran.



ARAHAN:

1. Klik butang **Tambah** untuk menambah maklumat Potongan

LANGKAH 6

(Nota: Langkah ini hanya terpakai sekiranya Padanan Bayaran adalah untuk Pesanan Kerajaan dengan Kontrak)

Pegawai Padanan Bayaran mengunci masuk maklumat Potongan untuk Padanan Bayaran. Seterusnya Pegawai Padanan Bayaran ke menu sisi Ringkasan Pembayaran.



ARAHAN:

1. Masukkan dan lengkapkan maklumat **Potongan**
2. Klik menu sisi **Ringkasan Pembayaran** untuk meneruskan proses Padanan Bayaran

NOTA:

Jenis Potongan yang disenaraikan adalah seperti yang ditetapkan semasa Ciptaan Kontrak

LANGKAH 7

Pegawai Padanan Bayaran membuat padanan bayaran.



ARAHAN:

1. Klik butang **Padan** untuk membuat Padanan Pembayaran

LANGKAH 8

Pegawai Padanan Bayaran mengesahkan penyerahan Padanan Bayaran.



ARAHAN:

1. Masukkan **Nombor PIN Token**
2. Klik butang **Tanda Tangan** untuk mengesahkan penyerahan Padanan Bayaran

LANGKAH 9

Pengesahan **Padanan Pembayaran telah berjaya diserah dan dihantar ke 1GFMAS untuk semakan. Sila klik Notifikasi/Pemberitahuan untuk semakan status dan cetakan dokumen Padanan Pembayaran** akan dipaparkan. Seterusnya Pegawai Padanan Bayaran boleh log keluar.



ARAHAN:

1. Klik ikon untuk semakan status dan cetakan dokumen Padanan Bayaran

4.7 Arahan Untuk Memberhentikan Bekalan/Perkhidmatan

Arahan untuk Memberhentikan Bekalan/Perkhidmatan boleh dikeluarkan oleh Pembekal ataupun Pelulus Pemenuhan. Pemberhentian Bekalan/Perkhidmatan ini boleh dilakukan sekiranya item tidak lagi diperlukan atau terdapat sebarang masalah seperti hujung tahun dan sebagainya.

Berikut adalah carta aliran untuk proses Arahan Untuk Memberhentikan Bekalan/Perkhidmatan:

Arahan Pemberhentian (oleh Pembekal)	Arahan Pemberhentian (oleh Pelulus)
Pembekal Cipta Arahan Pemberhentian	Pelulus Pemenuhan Cipta Arahan Pemberhentian
↓	↓
Pelulus Pemenuhan Kelulusan Arahan Pemberhentian	Sistem Pemenuhan diberhentikan

Hakcipta Terpelihara © 2017 Commerce Dot Com Sdn. Bhd.

4.7.1 Arahan Pemberhentian oleh Pembekal

Pembekal boleh mengeluarkan Arahan Pemberhentian sekiranya terdapat masalah yang tidak dapat dielakkan. Sekiranya Arahan Pemberhentian dikeluarkan dan diluluskan, Pembekal boleh meneruskan proses mencipta Invois untuk tujuan pembayaran.

Hakcipta Terpelihara © 2017 Commerce Dot Com Sdn. Bhd.

a) Peranan Pembekal: Arahan untuk Memberhentikan Bekalan/Perkhidmatan

Berikut adalah langkah ringkas Arahan Pemberhentian oleh Pembekal:



LANGKAH 1

Mulakan proses perolehan dengan Log Masuk sebagai Pembekal di Portal ePerolehan. Skrin Utama akan dipaparkan selepas log masuk berjaya. Pembekal memilih menu Pemenuhan untuk mencipta Arahan Pemberhentian Bekalan/Perkhidmatan.



ARAHAN:

1. Klik pada pilihan menu **Aplikasi Saya > Pemenuhan**

LANGKAH 2

Pembekal memilih Penyelenggaraan Pemenuhan untuk mencipta Arahan Pemberhentian.



ARAHAN:

1. Klik pada pautan **Penyelenggaraan Pemenuhan** untuk mencipta Arahan Pemberhentian

LANGKAH 3

Pembekal membuat carian dan memilih Pesanan Kerajaan untuk Arahan Pemberhentian Bekalan/Perkhidmatan.



ARAHAN:

1. Pilih **Jenis Urusniaga** dan masukkan salah satu kriteria **Carian** yang berkaitan
2. Klik butang **Cari**
3. **Hasil Carian** akan dipaparkan
4. Klik butang **Pilihan** dengan status **Menunggu Pemenuhan Separa**. Seterusnya daripada *dropdown* pilihan, klik **Pemberhentian Bekalan/Perkhidmatan** untuk mencipta Arahan Pemberhentian Bekalan/Perkhidmatan

LANGKAH 4

Pembekal mengunci masuk Justifikasi dan Keterangan untuk Arahan Pemberhentian Bekalan/Perkhidmatan. Seterusnya Pembekal ke menu sisi Penghantaran Item.



ARAHAN:

1. Pilih **Justifikasi** daripada *dropdown* yang disediakan
2. Masukkan **Keterangan** (jika perlu)
3. Klik menu sisi **Penghantaran Item** untuk meneruskan dengan ciptaan Arahan Pemberhentian Bekalan/Perkhidmatan

Hakcipta Terpelihara © 2017 Commerce Dot Com Sdn. Bhd.

LANGKAH 5

Pembekal menyemak maklumat Penghantaran Item dan meneruskan ke menu sisi Ringkasan Item.



ARAHAN:

1. Klik menu sisi **Ringkasan Item** untuk meneruskan dengan ciptaan Arahan Pemberhentian Bekalan/Perkhidmatan

LANGKAH 6

Pembekal menyemak maklumat Item dan seterusnya menyerahkan permohonan Arahan Pemberhentian Bekalan/Perkhidmatan.



ARAHAN:

1. Klik ikon ▸ untuk melihat **Perincian Item**
2. Klik butang **Henti Penghantaran** untuk menyerahkan permohonan Arahan Pemberhentian Bekalan/Perkhidmatan kepada Pelulus Pemenuhan

LANGKAH 7

Pembekal mengesahkan penghantaran Arahan Pemberhentian Bekalan/Perkhidmatan.



ARAHAN:

1. Masukkan dan lengkapkan **Jawapan Soalan Keselamatan** dan **Nombor PIN Sijil Digital**
2. Klik butang **Tanda Tangan** untuk mengesahkan penyerahan Arahan Pemberhentian Bekalan/Perkhidmatan

LANGKAH 8

Pengesahan **Arahan untuk Memberhentikan Bekalan/Perkhidmatan telah berjaya dihantar** akan dipaparkan. Seterusnya Pembekal boleh log keluar.



b) Peranan Pelulus Pemenuhan: Kelulusan Arahan untuk Memberhentikan Bekalan/Perkhidmatan

Berikut adalah langkah ringkas Kelulusan Arahan Untuk Memberhentikan Bekalan/Perkhidmatan:



LANGKAH 1

Mulakan proses perolehan dengan Log Masuk sebagai Pelulus Pemenuhan di Portal ePerolehan. Skrin Utama akan dipaparkan selepas log masuk berjaya. Pelulus Pemenuhan memilih menu Senarai Tugasan untuk meluluskan Arahan untuk Memberhentikan Bekalan/Perkhidmatan.



ARAHAN:

1. Klik pada pilihan menu **Senarai Tugasan**

LANGKAH 2

Pelulus Pemenuhan akan menyemak Arahan untuk Memberhentikan Bekalan/Perkhidmatan sebelum membuat kelulusan.



ARAHAN:

1. Klik di ruangan Perihal berstatus **Menunggu Kelulusan**

LANGKAH 3

Pelulus Pemenuhan menyemak dan meneruskan ke menu sisi Penghantaran Item untuk meluluskan Arahan Pemberhentian Bekalan/Perkhidmatan.



ARAHAN:

1. Klik menu sisi **Penghantaran Item** untuk meneruskan dengan kelulusan Arahan untuk Memberhentikan Bekalan/Perkhidmatan

NOTA:

- Kotak **CoGSTR** hanya akan dipaparkan sekiranya terdapat item yang dikenal pasti mendapat pelepasan CBP di dalam Pesanan Kerajaan
- Bagi Pesanan Kerajaan yang mempunyai Arahan Pemberhentian Bekalan/Perkhidmatan, kotak CoGSTR akan dipaparkan di skrin ini

Hakcipta Terpelihara © 2017 Commerce Dot Com Sdn. Bhd.

LANGKAH 4

Pelulus Pemenuhan menyemak maklumat Penghantaran Item dan meneruskan ke menu sisi Ringkasan Item untuk meluluskan Arahan Pemberhentian Bekalan/Perkhidmatan.



ARAHAN:

1. Klik ikon untuk melihat Alamat Penghantaran. Semak maklumat di bahagian **Penghantaran Item**
2. Klik menu sisi **Ringkasan Item** untuk meneruskan kelulusan Arahan Pemberhentian Bekalan/Perkhidmatan

LANGKAH 5

Pelulus Pemenuhan menyemak bahagian Item dan meluluskan Arahan Pemberhentian Bekalan/Perkhidmatan.



ARAHAN:

1. Klik butang **Lulus** untuk meluluskan Arahan Pemberhentian Bekalan/Perkhidmatan

TIPS:

- Butang **Simpan** untuk menyimpan dokumen
- Butang **Tolak** untuk menolak Arahan Pemberhentian Bekalan/Perkhidmatan. Catatan wajib dimasukkan sekiranya dokumen ingin ditolak

LANGKAH 6

Pelulus Pemenuhan mengesahkan kelulusan Arahan Pemberhentian Bekalan/Perkhidmatan.



ARAHAN:

1. Masukkan **Nombor PIN Token**
2. Klik butang **Tanda Tangan** untuk meluluskan Arahan Pemberhentian Bekalan/Perkhidmatan

LANGKAH 7

Pengesahan **Arahan untuk Memberhentikan Bekalan/Perkhidmatan telah diluluskan dan dihantar ke 1GFMAS untuk pengesahan. Invois Cukai hendaklah dikeluarkan oleh pembekal dalam tempoh dua puluh satu (21) hari setelah Arahan Untuk Memberhentikan Bekalan/Perkhidmatan diluluskan oleh Kerajaan dan disah terima di 1GFMAS** akan dipaparkan. Seterusnya Pelulus Pemenuhan boleh log keluar.



4.7.2 Arahan Pemberhentian oleh Pelulus Pemenuhan

Pelulus Pemenuhan boleh mengeluarkan Arahan Pemberhentian sekiranya terdapat masalah yang tidak dapat dielakkan. Sekiranya Arahan Pemberhentian dikeluarkan dan diluluskan, Pembekal boleh meneruskan proses mencipta Invois untuk tujuan pembayaran.

Hakcipta Terpelihara © 2017 Commerce Dot Com Sdn. Bhd.

a) Peranan Pelulus Pemenuhan: Arahan untuk Memberhentikan Bekalan/Perkhidmatan

Berikut adalah langkah ringkas Arahan Pemberhentian oleh Pelulus Pemenuhan:



LANGKAH 1

Mulakan proses perolehan dengan Log Masuk sebagai Pelulus Pemenuhan di Portal ePerolehan. Skrin Utama akan dipaparkan selepas log masuk berjaya. Pelulus Pemenuhan memilih menu Pemenuhan untuk mencipta Arahan Pemberhentian Bekalan/Perkhidmatan.



ARAHAN:

1. Klik pada pilihan menu **Aplikasi Saya > Pemenuhan**

LANGKAH 2

Pelulus Pemenuhan memilih Penyelenggaraan Pemenuhan untuk mencipta Arahan Pemberhentian.



ARAHAN:

1. Klik pada pautan **Penyelenggaraan Pemenuhan** untuk mencipta Arahan Pemberhentian

LANGKAH 3

Pelulus Pemenuhan membuat carian dan memilih Pesanan Kerajaan/Pesanan Kontrak untuk diberhentikan.



ARAHAN:

1. Masukkan kriteria **Carian**
2. Klik butang **Cari**
3. **Hasil Carian** akan dipaparkan
4. Klik butang **Pilihan** dan pilih **Pemberhentian Bekalan/Perkhidmatan** untuk mencipta Arahan Pemberhentian

LANGKAH 4

Pelulus Pemenuhan mengunci masuk Justifikasi dan Keterangan untuk pemberhentian bekalan/perkhidmatan. Seterusnya Pelulus Pemenuhan ke menu sisi Penghantaran Item.



ARAHAN:

1. Pilih **Justifikasi** dari *dropdown* yang disediakan
2. Masukkan **Keterangan** (jika perlu)
3. Klik menu sisi **Penghantaran Item** untuk meneruskan dengan ciptaan Arahan Pemberhentian

NOTA:

- Kotak CoGSTR hanya wujud sekiranya Pesanan Kerajaan/Pesanan Kontrak dikecualikan dari CBP

Hakcipta Terpelihara © 2017 Commerce Dot Com Sdn. Bhd.

LANGKAH 5

Pelulus Pemenuhan menyemak maklumat Penghantaran Item dan meneruskan ke menu sisi Ringkasan Item.



ARAHAN:

1. Klik menu sisi **Ringkasan Item** untuk meneruskan dengan ciptaan Arahan Pemberhentian

LANGKAH 6

Pelulus Pemenuhan menyemak maklumat Item dan seterusnya menyerahkan Arahan Pemberhentian.



ARAHAN:

1. Klik butang **Henti Penghantaran** untuk menyerahkan permohonan Arahan Pemberhentian

LANGKAH 7

Pelulus Pemenuhan mengesahkan penghantaran Arahan Pemberhentian.



ARAHAN:

1. Masukkan **Nombor PIN Token**
2. Klik butang **Tanda Tangan** untuk menyerahkan Arahan Pemberhentian

LANGKAH 8

Notifikasi **Arahan untuk Memberhentikan Bekalan/Perkhidmatan SD170000000002486 telah diluluskan dan dihantar ke 1GFMAS untuk pengesahan. Invois Cukai hendaklah dikeluarkan oleh pembekal dalam tempoh dua puluh satu (21) hari setelah Arahan Untuk Memberhentikan Bekalan/Perkhidmatan diluluskan oleh Kerajaan dan disah terima di 1GFMAS** akan dipaparkan. Seterusnya Pelulus Pemenuhan boleh log keluar.



4.8 Penyelenggaraan Pemenuhan

Penyelenggaraan Pemenuhan adalah proses dimana Pembekal atau Pelulus Pemenuhan boleh mengemaskini atau membuat pembatalan bagi dokumen yang telah dicipta semasa Pemenuhan. Berikut adalah penyelenggaraan yang boleh dilakukan oleh Pelulus Pemenuhan:

1. Pembatalan Pesanan Kerajaan
2. Pembatalan Nota Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan

Manakala bagi Pembekal penyelenggaraan yang boleh dilakukan adalah:

1. Kemaskini Pesanan Penghantaran
2. Pembatalan Pesanan Penghantaran
3. Kemaskini Invois
4. Pembatalan Invois

Berikut adalah carta aliran Penyelenggaraan Pemenuhan:



4.8.1 **Pembatalan Pesanan Kerajaan**

Pembatalan Pesanan Kerajaan adalah dibenarkan pada bila-bila masa sehingga status terakhir Pemenuhan iaitu Menunggu Padanan Bayaran.

Hakcipta Terpelihara © 2017 Commerce Dot Com Sdn. Bhd.

a) Peranan Pelulus Pemenuhan: Pembatalan Pesanan Kerajaan

Berikut adalah langkah ringkas Pembatalan Pesanan Kerajaan:



Hakcipta Terpelihara © 2017 Commerce Dot Com Sdn. Bhd.

LANGKAH 1

Mulakan proses perolehan dengan Log Masuk sebagai Pelulus Pemenuhan di Portal ePerolehan. Skrin Utama akan dipaparkan selepas log masuk berjaya. Pelulus Pemenuhan memilih menu Pemenuhan untuk membatalkan Pemenuhan.



ARAHAN:

1. Klik pada pilihan menu **Aplikasi Saya > Pemenuhan**

LANGKAH 2

Pelulus Pemenuhan memilih Penyelenggaraan Pemenuhan untuk membatalkan Pemenuhan.



ARAHAN:

1. Klik pada pautan **Penyelenggaraan Pemenuhan** untuk mencipta membatalkan Pemenuhan

LANGKAH 3

Pelulus Pemenuhan membuat carian dan memilih Pesanan Kerajaan untuk dibatalkan.



ARAHAN:

1. Pilih **Jenis Urusniaga** dan **Jenis Dokumen:** Pesanan Kerajaan dari *dropdown* yang disediakan. Seterusnya masukkan **No. Pesanan Kerajaan** yang hendak dibatalkan
2. Klik butang **Cari**
3. **Hasil Carian** akan dipaparkan
4. Klik butang **Pilihan** dan pilih **Batal** untuk membatalkan dokumen Pesanan Kerajaan

LANGKAH 4

Pelulus Pemenuhan menyemak dan mengunci masuk Catatan untuk pembatalan Pesanan Kerajaan. Seterusnya Pelulus Pemenuhan ke menu sisi Ringkasan Pesanan.



ARAHAN:

1. Masukkan **Catatan** untuk pembatalan Pesanan Kerajaan
2. Muat naik **Lampiran** (jika perlu)
3. Klik menu sisi **Ringkasan Pesanan** untuk meneruskan dengan pembatalan Pesanan Kerajaan

LANGKAH 5

Pelulus Pemenuhan menyemak Ringkasan Pesanan dan membatalkan Pesanan Kerajaan.



ARAHAN:

1. Klik butang **Batal** untuk meneruskan dengan pembatalan Pesanan Kerajaan

LANGKAH 6

Pelulus Pemenuhan mengesahkan pembatalan Pesanan Kerajaan.



ARAHAN:

1. Masukkan **Nombor PIN Token**
2. Klik butang **Tanda Tangan** untuk meluluskan pembatalan Pesanan Kerajaan

LANGKAH 7

Pengesahan **Pesanan Kerajaan telah dibatalkan dan dihantar untuk pengesahan pembatalan di 1GFMAS** akan dipaparkan. Seterusnya Pelulus Pemenuhan boleh log keluar.



4.8.2 Kemaskini Pesanan Penghantaran

Pembekal boleh mengemaskini dokumen Pesanan Penghantaran yang telah diserah kepada Penerima Barang/Perkhidmatan. Hanya No. Pesanan Penghantaran (Pembekal) yang boleh dikemaskini pada status Menunggu Pengesahan. Seterusnya permohonan ini akan diserah kepada Pelulus Pemenuhan untuk diluluskan.

Hakcipta Terpelihara © 2017 Commerce Dot Com Sdn. Bhd.

a) Peranan Pembekal: Kemaskini Pesanan Penghantaran

Berikut adalah langkah ringkas Kemaskini Pesanan Penghantaran:



Hakcipta Terpelihara © 2017 Commerce Dot Com Sdn. Bhd.

LANGKAH 1

Mulakan proses perolehan dengan Log Masuk sebagai Pembekal di Portal ePerolehan. Skrin Utama akan dipaparkan selepas log masuk berjaya. Pembekal memilih menu Pemenuhan untuk mengemaskini Pesanan Penghantaran.



ARAHAN:

1. Klik pada pilihan menu **Aplikasi Saya > Pemenuhan**

LANGKAH 2

Pembekal memilih Penyelenggaraan Pemenuhan untuk mengemaskini Pesanan Penghantaran.



ARAHAN:

1. Klik pada pautan **Penyelenggaraan Pemenuhan** untuk mengemaskini Pesanan Penghantaran

LANGKAH 3

Pembekal membuat carian dan memilih Pesanan Penghantaran untuk dikemaskini.



ARAHAN:

1. Pilih **Jenis Urusniaga** dan Jenis Dokumen: **Pesanan Penghantaran** dari *dropdown* yang disediakan. Seterusnya masukkan **No. Pesanan Kerajaan** yang berkaitan dengan Pesanan Penghantaran tersebut (jika perlu)
2. Klik butang **Cari**
3. **Hasil Carian** akan dipaparkan
4. Klik butang **Pilihan** dan pilih **Kemaskini** untuk mengemaskini Pesanan Penghantaran

LANGKAH 4

Pembekal mengemaskini No. Pesanan Penghantaran (Pembekal) dan seterusnya ke menu sisi Penghantaran Item.



ARAHAN:

1. Kemaskini **No. Pesanan Penghantaran (Pembekal)**
2. Klik menu sisi **Penghantaran Item** untuk melihat maklumat item bagi Pesanan Penghantaran ini

Hakcipta Terpelihara © 2017 Commerce Dot Com Sdn. Bhd.

LANGKAH 5

Pembekal menyemak Penghantaran Item dan mengemaskini Pesanan Penghantaran.



ARAHAN:

1. Klik butang **Kemaskini** untuk meneruskan dengan kemaskini Pesanan Penghantaran

LANGKAH 6

Pengesahan **Kemaskini untuk Pesanan Penghantaran telah berjaya dihantar untuk pengesahan** akan dipaparkan. Seterusnya Pembekal boleh log keluar.



b) Peranan Pelulus Pemenuhan: Pengesahan Kemaskini Pesanan Penghantaran

Berikut adalah langkah ringkas Pengesahan Kemaskini Pesanan Penghantaran:



LANGKAH 1

Mulakan proses perolehan dengan Log Masuk sebagai Pelulus Pemenuhan di Portal ePerolehan. Skrin Utama akan dipaparkan selepas log masuk berjaya. Pelulus Pemenuhan memilih menu Senarai Tugasan untuk mengesahkan kemaskini Pesanan Penghantaran.



ARAHAN:

1. Klik pada pilihan menu **Senarai Tugasan**

LANGKAH 2

Pelulus Pemenuhan akan menyemak kemaskini Pesanan Penghantaran sebelum membuat pengesahan.



ARAHAN:

1. Klik di ruangan Perihal berstatus **Menunggu Kelulusan**

LANGKAH 3

